

**Pengeluaran Getah Asli Naik 1.4 Peratus Pada Disember 2012**  
**Bernama**  
**21 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Pengeluaran getah asli Malaysia naik 1.4 peratus atau 1,039 tan kepada 76,263 tan pada Disember 2012 daripada November 2012, demikian menurut Jabatan Perangkaan pada Khamis.

Bagaimanapun pengeluaran getah asli bagi Disember 2012 susut 3,463 tan daripada Disember 2011.

Sebanyak 92.9 peratus pengeluaran getah asli disumbangkan oleh sektor pekebun kecil dan baki 7.1 peratus oleh estet.

Pengeluar getah asli terbesar mengikut estet ialah Kedah (25.7 peratus), diikuti dengan Negeri Sembilan (18.9 peratus) dan Perak (18.3 peratus).

Jumlah eksport getah asli pada Disember 2012 berjumlah 74,749 tan, kenaikan sebanyak 9,707 tan atau 14.9 peratus berbanding bulan sebelumnya tetapi susut 1,395 tan atau 1.8 peratus berbanding Disember 2011.

Getah Mutu Malaysia (SMR) menyumbang 91.2 peratus dengan SMR 20 terdiri daripada 48 peratus, menurut jabatan berkenaan dalam satu kenyataan mengenai perangkaan getah di sini.

Getah asli dieksport terutamanya ke China (44.6 peratus), diikuti dengan Jerman (14.7 peratus), Iran (5.7 peratus), Brazil (3.7 peratus), Korea (3.3 peratus), Amerika Syarikat (2.9 peratus), Portugal (2.4 peratus) dan United Kingdom (1.9 peratus).

Import getah asli pada Disember 2012 susut sebanyak 9.9 peratus atau 9,113 tan daripada November 2012 tetapi meningkat sebanyak 32.3 peratus atau 20,330 tan daripada Disember 2011.

Pembekal utama getah asli ialah Thailand (50.7 peratus) dan Vietnam (24.5 peratus), yang menguasai 75.2 peratus jumlah import getah asli.

Penggunaan dalam negara getah asli sebanyak 37,866 tan pada Disember 2012, peningkatan sebanyak 254 tan atau 0.7 peratus daripada bulan sebelumnya dan 3,963 tan atau 11.7 peratus daripada tahun sebelumnya.

Industri yang paling banyak menggunakan getah asli ialah industri sarung tangan dengan 26,303 tan (69.5 peratus), diikuti benang getah (9.1 peratus) serta tayar dan tiub (6.2 peratus).

Tiga industri yang menggunakan lebih separuh daripada keseluruhan penggunaan domestik dalam negara dengan sejumlah 32,107 tan atau 84.8 peratus.

Paras stok getah asli pada Disember 2012 yang dicatatkan pada 169,188 tan, naik 7,126 tan atau 4.4 peratus apabila dibanding bulan atas bulan serta 25,790 tan atau 18 peratus tahun atas tahun.

Pada Disember 2012, harga bulanan purata lateks pekat pada 576.98 sen sekilogram, naik

16.03 sen atau 2.9 peratus berbanding November 2012.

Namun begitu, harga lateks pekat pada 91.28 sen atau 13.7 peratus lebih rendah daripada Disember 2011.

Produktiviti pengeluaran getah asli di estet adalah 130.9 kilogram sehektar pada Disember 2012, kenaikan apabila berbanding bulan atas bulan dan tahun atas tahun masing-masing pada 27.9 kilogram sehektar atau 27.1 peratus dan 1.3 kilogram sehektar atau satu peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929336>